0661

U 8481 DEB

MAHATHIR - MAJU

86

KUALA LUMPUR, 30/OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERHARAP ORANG MELAYU MEYAKINI AKAN KEBOLEHAN DIRI SENDIRI DALAM USAHA MENINGKATKAN KEMAJUAN BANGSA DAN NEGARA.

PRESIDEN UMNO BERKATA JIKA BANGSA LAIN BOLEH MENCAPAI KEJAYAAN, MAKA ORANG MELAYU JUGA TENTUNYA BOLEH MENCAPAI KEJAYAAN JIKA MEREKA TIDAK MUDAH MENGAKU KALAH.

+ORANG MELAYU HENDAKLAH MEMPUNYAI KEYAKINAN DIRI SENDIRI DAN TIDAK MUDAH MENGAKU KALAH, SEBALIKNYA BERUSAHA MENCAPAI KEJAYAAN,+ KATA PERDANA MENTERI KETIKA MENYAMPAIKAN UCAPAN PENANGGUHANNYA PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO, DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI PETANG INI.

BAGAIMANAPUN, KATANYA SEBELUM ITU ORANG MELAYU MEMERLUKAN PEMBENTUKAN PERIBADI YANG KUKUH BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MENGHADAPI CABARAN DAN MENGIMBANGI KEMAJUAN KAUM LAIN.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA ORANG MELAYU JUGA MEMPUNYAI KEBOLEHAN YANG TIDAK KURANG BERBANDING DENGAN KEBOLEHAN BANGSA LAIN. -- LAGI.

2008MST 30 10 88

0663

U 8482 DEB

MAHATHIR - MAJU 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR YAKIN DENGAN PEMBENTUKAN PERIBADI DAN KEYAKINAN DIRI ITU, IA AKAN DAPAT MENINGKATKAN KEMAJUAN NEGARA UNTUK MENYAINGI KEMAJUAN NEGARA-NEGARA LAIN,

MENGENAI KUMPULAN YANG MENDAKWA MEMPERJUANGKAN SEMANGAT 46, BELIAU BERKATA MEREKA BERKENAAN MUDAH BERCAKAP MENGENAI SEMANGAT 46 SEOLAH-OLAH AMAT MEMAHAMI AKAN KONSEP SEMANGAT ITU.

MEREKA SEBENARNYA TIDAK MEMAHAMI PENGERTIAN SEMANGAT 46, KERANA KATA PERDANA MENTERI, SEMANGAT 46 BUKANLAH YANG MENIMBULKAN MASALAH KEPADA NEGARA TAPI MEMBERIKAN SEMANGAT BERASASKAN KERJASAMA.

PERDANA MENTERI JUGA MEMBERI NAMA BARU KEPADA KUMPULAN SERPIHAN ITU, YANG MENURUTNYA PERJUANGAN MEREKA BUKANLAH MELAMBANGKAN ATAS DASAR UMNO YANG DIHARAMKAN ATAU SEMANGAT 46.

+MEREKA KINI TELAH MENJADI SATU KUMPULAN ASING DAN ELOKLAH DIBERIKAN NAMA SEBAGAI KUMPULAN IWAK, YANG DALAM BAHASA JAWA BERERTI IKAN,+ KATA BELIAU SAMBIL MENEGASKAN, IKAN JIKA DISIMPAN LAMA AKAN MENJADI BUSUK. -- LAGI.

2012MST 30 10 88

0664

U 8483 DEB

MAHATHIR - MAJU 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA TERDAPAT PELBAGAI TAKTIK DIGUNA BAGI MENDAPAT KUASA DAN KUMPULAN BERKENAAN MENDAPAT ILHAM DARIPADA PERISTIWA NEGARA LUAR SEPERTI DARI PARTI LABAN, FILIPINA UNTUK MENENTANG KERAJAAN.

MENGENAI PERHIMPUNAN AGUNG ITU, BELIAU BERKATA ANGGOTA PERWAKILAN TELAH MENUNJUKKAN PENUH MINAT BERBANDING DENGAN MASA LEPAS DAN BELIAU GEMBIRA DENGAN IKLIM PERHIMPUNAN ITU YANG BERLANGSUNG DALAM KEADAAN AMAN DAN TENANG.

IA BERBEZA DENGAN PERHIMPUNAN AGUNG PADA 24 APRIL TAHUN LEPAS YANG AMAT TEGANG DAN PENUH SYAK WASANGKA ANTARA ANGGOTA PERWAKILAN SEPERTI ANTARA MUSUH DENGAN MUSUH DENGAN TIDAK MEMPERCAYAI ANTARA SATU SAMA LAIN, TEGAS BELIAU. -- BERNAMA.

2013MST 30 10 88